

30 OCT 2003

Mahathir-Sanitasi

KERAJAAN AKAN TUBUH SURUHANJAYA SANITASI UNTUK RUMUS PERATURAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Sanitasi untuk merumus peraturan ekonomi dan peraturan keselamatan bagi menjaga kepentingan awam dan menggalak pembangunan sistem pembentungan serta pengurusan sisa pepejal, kata Perdana Menteri hari ini.

Ketika membenteng laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) 2001-2005 di Dewan Rakyat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dalam tempoh kajian, usaha pembangunan sektor kecil pembentungan akan ditumpukan kepada usaha memperbaiki perkhidmatan melalui pembinaan baru di samping menaik taraf dan memulihkan sistem yang sedia ada.

Kerja modal dan pembaharuan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengaliran keluar kumbahan ke permukaan air dan dengan itu, memperbaiki kualiti alam sekitar, kata Dr Mahathir yang akan mengundurkan diri setelah menerajui pemerintahan selama 22 tahun, esok.

Beliau berkata program pembangunan modal bagi sistem pembentungan akan diteruskan dalam tempoh akhir RM-8.

"Kerja pembinaan bagi Fasa 1 Projek Pembentungan Kebangsaan akan bermula sementara proses tender bagi Fasa 2 akan dimulakan. Projek Fasa 1 akan menyediakan kapasiti rawatan pembentungan tambahan sebanyak 979,000 penduduk sekiranya siap pada 2005," katanya.

Bagi memastikan bekalan air yang berterusan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengambil langkah meningkatkan kecekapan dan pemuliharaan sistem bekalan air sedia ada dan membangunkan sumber air baru.

Katanya kerajaan persekutuan dengan persetujuan kerajaan-kerajaan negeri akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam program perancangan, pengurusan dan penyelarasan sumber air negara.

Beliau berkata pembangunan sumber air akan dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada Pengurusan Sumber Air Bersepadu.

Sistem pengurusan maklumat akan dibangunkan bagi menggabungkan pangkalan data daripada semua pihak berkuasa bekalan air, katanya.

Dr Mahathir berkata pembinaan Pemindahan Air Mentah antara Pahang dan Selangor akan dimulakan sebelum tempoh akhir RM-8 manakala empangan pelbagai guna Beris di Kedah dan Empangan Jus di Melaka akan disiapkan pada tahun depan, dan Empangan Chereh di Pahang pada 2005.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mampu membangunkan semua kemudahan infrastruktur untuk kesejahteraan rakyat daripada cukai yang dipungut.

"Jika hendak ditunggu sehingga kerajaan mempunyai dana yang cukup akan lewatlah kemudahan-kemudahan ini diadakan. Justeru itu, pihak swasta perlu memainkan peranan dan melabur," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata swasta tidak mungkin melabur jika pulangan yang berpatutan tidak diperolehi.

"Pegguna mestilah sanggup membayar secara berpatutan untuk khidmat yang diberikan. Namun kerajaan akan membantu setakat yang kewangan kerajaan mengizinkan," tambahnya.

Demi kepentingan semua pihak, Dr Mahathir berkata pengguna hendaklah menerima konsep pengguna membayar kerana adalah tidak adil jika mereka yang tidak mengguna dipaksa membayar melalui cukai umum untuk penyelesaian mereka yang mengguna.

-- BERNAMA

MFJ MFJ LAT